



LAPORAN TAHUNAN 2018



**JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2018. Laporan Tahunan ini menggambarkan keseluruhan gerak kerja dan pencapaian JAS WPKL yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 berdasarkan mandat yang diberikan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) bagi mencapai pembangunan negara yang seiring dengan keharmonian kualiti alam sekitar.

Tahun 2018 telah dilalui dengan pelbagai peristiwa dan cabaran dalam pengurusan alam sekitar. Jabatan ini telah meletakkan keutamaan kepada penguatkuasaan ke atas premis dan aktiviti yang tertakluk di bawah AKAS 1974 dan didokongi oleh program-program kesedaran alam sekitar bagi memastikan masyarakat dapat membudayakan amalan penjagaan alam sekitar dalam kehidupan seharian dan turut serta dalam membanteras jenayah alam sekitar.

Sepanjang tahun 2018, pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah AKAS 1974 dilaksanakan secara pemeriksaan siasatan tapak 'Command and Control' (CAC) dan juga pemeriksaan secara 'Desktop Enforcement' (DE).

JAS WPKL turut mempertingkatkan pelaksanaan program/aktiviti kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar melalui media massa sebagai usaha berterusan dan bersama dalam membangunkan masyarakat yang penyayang dan mesra alam. Cabaran dalam menguruskan alam sekitar di masa hadapan dijangkakan akan semakin sukar. Namun demikian, dengan sokongan, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, insyaAllah saya percaya kita semua akan mampu mengharunginya.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan, pihak industri, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS WPKL dalam memastikan kualiti alam sekitar berada pada tahap baik dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa-masa akan datang untuk mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat bagi generasi masa kini dan akan datang.

'Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama'

NOR AZIAH BINTI JAAFAR

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Penaung

Puan Nor Aziah Binti Jaafar

Penasihat

Puan Norazma Binti Zainuddin

Ketua Editor

Encik Ahmad Azri Bin Alias

Editor

Puan Hasnita Binti Mansor

Puan Salkiah Binti Mohamad Salleh Tan

Puan Nor Hayati Binti Mohamad Idris

Puan Nor Liza Binti Yen

Puan Dina Binti Abd. Samad

Puan Siti Norhidayah Abdullah

Encik Mohd Najib Bin Salleh

Puan Nur Hafiza Binti Mohd Noh

Encik Mohd Shafiq Aizad Bin Hj Mohd Saad

Urusetia

Puan Khairul Aliza Binti Alias

Encik Mohd Syahirrullah Bin Mohd Azhar

Penerbit

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

eISSN

2710 - 6969

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PERUTUSAN PENGARAH	I
JAWATAN KUASA PENERBITAN	II
KANDUNGAN	III - IV
BAB 1 : PENTADBIRAN & KEWANGAN.....	1 -4
- Struktur Organisasi	2-3
- Perjawatan.....	2
- Peruntukan Kewangan.....	4
- Pungutan Hasil.....	4
BAB 2 : OPERASI–PUNCA-PUNCA TETAP.....	5-14
- Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT).....	6-8
- Penguatkuasaan Terhadap Loji Pengolahan Kumbahan.....	9-10
- Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Dan Punca-Punca Buangan Terjadual.....	11-14
BAB 3 : OPERASI–PUNCA BERGERAK KENDERAAN BERMOTOR.....	15-26
- Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel.....	16-17
i. Operasi Statik.....	16
ii. Operasi Bersepadu.....	17-18
iii. Operasi Catat.....	18
iv. Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)	19
v. Kawalan Terhadap Kemudahan Yang diluluskan (KYDL).....	19-20
- Kawalan Pelepasan Asap Di hentian Bas Awam.....	20-21
- Kawalan Pengurusan Refrigeran.....	22
- Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol.....	23
- Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal.....	24-25
- Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motosikal.....	25-26
BAB 4 : ADUAN.....	27-29
- Aduan.....	28-29
- Rondaan Mencegah Pencemaran.....	29

KANDUNGAN

BAB 5 : PENDAKWAAN.....	30-32
- Tindakan Mahkamah.....	31-32
BAB 6 : PENILAIAN.....	33-36
- Pemprosesan Laporan EIA.....	34
- Input Pembangunan.....	34-35
- Permohonan Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharaan Bertulis....	36
BAB 7 : PENGUATKUASAAN POST EIA.....	37-43
BAB 8 PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING.....	44-63
- Pengawasan Kualiti Kualiti Alam Sekeliling.....	45
- Pengawasan Kualiti Air Tanah.....	45-52
- Pengawasan Kualiti Udara.....	53-59
- Pengawasan Kualiti Air Sungai.....	60-63
BAB 9 : PENGURUSAN ASET DAN STOR.....	64-67
- Aset Dan Stor Teknikal.....	65-67
BAB 10 : PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR.....	68-76
- Program Kesedaran.....	69
- Pelajar Latihan Industri.....	70
- Sambutan Hari Ozon Antarabangsa Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.....	71
- Hari Alam Sekitar Negara 2018.....	72-74
- Sambutan Hari Bumi & Hari Alam Sekitar Sedunia.....	75-76
BAB 11 : TEKNOLOGI MAKLUMAT.....	77-80
- Sistem Maklumat Geografik (GIS).....	78-79
- Sistem Atas Talian (Online Services).....	79-80
- Sistem Perkhidmatan Pembayaran Kompaun Jabatan Alam Sekitar..	80
- E-Complaint : Pencemaran Alam Sekitar.....	80
- Perkhidmatan Menyemak Kompaun Kenderaan Diesel & Petrol.....	80
- E-KAS.....	80
- Kelengkapan ICT.....	80

BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN



PENTADBIRAN

STRUKTUR ORGANISASI


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2018, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 30 dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah 76 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran Kewangan & Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di Rajah 1.0.

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2018, JAS WPKL telah mempunyai 68 anggota mengikut Surat Pemberitahuan Penempatan berdasarkan B.30. Pecahan jawatan adalah seperti di Jadual 1.0

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kakitangan
1	Pengarah (Pegawai Kawalan AS)	C54	1
2	Ketua Pen.Pengarah (Peg.Kawalan AS)	C52/C48	2
3	Pegawai Kawalan Kanan	C44	3
4	Pegawai Kawalan	C44/C41	6
5	Pen. Pegawai Kawalan Tinggi	C38	2
6	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	C32	11
7	Pen. Pegawai Kawalan	C32/C29	15
8	Penolong Jurutera	J29	18
9	Juruteknik Kanan	J22	1
10	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1
11	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1
12	Setiausaha Pejabat	N29	1
13	Pen.Akauntan (KUP)	W19/W29	2
14	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19/N22	4
15	Pembantu Am Pejabat	N11/14	1
16	Pemandu	H11/R3	7
	Jumlah Perjawatan		76

Jadual 1.0 : Perjawatan JAS WPKL bagi tahun 2018



Rajah 1.0 : Carta Organisasi JAS WPKL

PERUNTUKAN KEWANGAN

Bagi tahun 2018, sebanyak RM4,800,220.87 peruntukan telah diterima daripada Ibu Pejabat untuk Belanja Mengurus dan RM5,000.00 bagi Program Pendidikan & Penilaian Alam Sekitar (RAS). Manakala peruntukan bagi Pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM 3,800.00 bagi Program GIS.

PUNGUTAN HASIL

Pada tahun 2018 JAS WPKL telah membuat kutipan hasil iaitu sebanyak RM 72,679.40 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2017 sebanyak RM 32,601.91 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun dan bayaran lain-lain. Pecahan kutipan hasil 2018 adalah seperti Jadual 1.1

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
11101	Gaji Biasa Kakitangan Awam	3,445.80
12101	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	103.23
12102	Imbuhan Tetap Perumahan	103.23
12199	Elaun Tetap Yang Lain	892.90
14101	Bayaran Elaun Lebih Masa	96.01
21104	Bayaran Balik Tuntutan Perjalanan	25.90
71408	Proses Lesen	7,155.00
73199	Jualan LainLain	130.00
73301	Jualan Harta Benda Kerajaan	561.00
76199	Bayaran Kompaun	78,150.00
	JUMLAH	90,663.07

Jadual 1.1 : Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2018

BAB 2


OPERASI PUNCA-PUNCA TETAP



PERMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)


PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Pada tahun 2018, terdapat 1589 inventori punca-punca pencemaran dari premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) yang telah dikenalpasti di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) mengikut kod Standard Industrial Classification (SIC) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.0. Bilangan premis yang tertinggi adalah premis yang terletak di bawah kod SIC Perubatan iaitu sebanyak 602 dan Bengkel/Workshop iaitu sebanyak 511.




Rajah 2.0 : Bilangan PYBDT Berdasarkan Kod SIC

JAS WPKL telah melaksanakan penguatkuasaan di lapangan (Command and Control, CAC) sebanyak 355 kali lawatan pemeriksaan manakala penguatkuasaan secara desktop enforcement (DE) pula adalah sebanyak 446 kali seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.1



Rajah 2.1 : Bilangan Penguatkuasaan CAC dan DE


Penguatkuasaan ke atas PYBDT adalah berdasarkan pematuhan kepada empat (4) peraturan utama iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan juga Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009. Peratus pematuhan berdasarkan empat peraturan tersebut adalah seperti di Rajah 2.2



Rajah 2.2 : Peratus Pematuhan PYBDT Diperiksa Berdasarkan Empat (4) Peraturan Utama Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat dua (2) inventori punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sampah dan Tapak Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur.

Hasil daripada penguatkuasaan ke atas PYBDT, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap semua premis yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) serta peraturan-peraturan di bawahnya. Tindakan-tindakan penguatkuasaan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.3



Rajah 2.3 : Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Ketidapatuhan AKAS 1974 bagi PYBDT


Pemantauan pelaksanaan program Guided Self Regulation (GSR) diteruskan dengan susulan maklumbalas Environmental Mainstreaming Tools (EMT) di samping menjalankan verifikasi EMT bagi PYBDT yang telah memberi maklumbalas sebelum ini. Terdapat tujuh (7) EMT yang perlu dicapai dan dilaksanakan oleh pihak PYBDT dalam menuju ke arah pematuhan sendiri (self regulation) yang merupakan matlamat Jabatan Alam Sekitar iaitu Environmental Policy (EP), Environmental Budgeting (EB), Environmental Monitoring Committee (EMC), Environmental Facility (EF), Environmental Competency (EC), Environmental Reporting and Communication (ERC) dan Environmental Transparency (ET). Sehingga tahun 2018, sebanyak 453 maklumbalas pelaksanaan GSR tersebut telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sebanyak 37 premis telah memenuhi ketujuh-tujuh EMT tersebut.

PENGUATKUASAAN TERHADAP LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah meneruskan program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 bagi premis-premis loji pengolahan kumbahan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan penguatkuasaan terhadap loji pengolahan kumbahan adalah merupakan kesinambungan kepada program penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang dilaksanakan setiap tahun. Bagi tahun 2018, aktiviti penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan adalah dijalankan dengan menggunakan kaedah command and control (CAC) dan juga desktop enforcement (DE) terhadap semua premis pengolahan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 90 lawatan pemeriksaan secara CAC telah dijalankan terhadap premis-premis loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan loji pengolahan kumbahan swasta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah enam (6) Notis Arahan telah dikeluarkan dan lima (5) kompaun telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi loji pengolahan kumbahan semasa lawatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan. Oleh yang demikian, peratusan pematuhan premis loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 secara command and control (CAC) bagi tahun 2018 adalah sebanyak 93.33%.

Sementara itu, sebanyak 55 pemeriksaan loji kumbahan secara desktop enforcement (DE) telahpun dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Daripada jumlah tersebut hanya 1 premis loji pengolahan kumbahan yang tidak patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Oleh yang demikian peratus pematuhan premis loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 secara desktop enforcement bagi tahun 2018 adalah sebanyak 99.18%.



Rajah 2.4 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2018 Secara Command and Control (CAC)



Rajah 2.5 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2018 Secara Desktop Enforcement (DE)

PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) DAN PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL

Di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), semua urusan yang berkaitan dengan buangan terjadual telahpun menggunakan sistem atas talian yang telah di tambahbaik yang dikenali sebagai sistem Electronic Schedule Waste Information System (eSWIS). Penggunaan sistem ini memudahkan lagi kerja-kerja pelaporan terhadap pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori, dan nota konsainan pengeluaran dan penerima buangan terjadual. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 1132 pengeluar buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun berdaftar dan menggunakan sistem eSWIS dengan peratus pendaftaran sebanyak 83.67% daripada jumlah keseluruhan yang tertakluk iaitu 1353 premis.

Sepanjang tahun 2018, program-program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun diteruskan bagi premis-premis yang menghasilkan buangan terjadual iaitu Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) dan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dengan memberi tumpuan kepada premis-premis yang sedia ada dan mengenalpasti punca-punca baru dengan mendapatkan maklumat premis dan mengemaskini senarai inventori pengeluaran buangan terjadual keseluruhan.

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) adalah premis atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di bawah seliaan JAS WPKL, terdapat Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut. Sepanjang tahun 2018, sebanyak lima (5) lesen premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan lima (5) lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) telah mendapat pembaharuan lesen dan dijalankan lawatan penguatkuasaan. Sebanyak 18 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan dan kesemua 5 premis PYDT BT tersebut didapati patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

Bagi premis-premis PYBDT pula, sebanyak 801 pemeriksaan telahpun dijalankan terhadap premis-premis punca yang menghasilkan buangan terjadual sepanjang tahun 2018. Pemeriksaan ini adalah gabungan antara pemeriksaan siasatan di tapak (CAC) iaitu sebanyak 355 lawatan dan juga pemeriksaan secara desktop (DE) sebanyak 446 siasatan. Peratus pematuhan keseluruhan bagi penguatkuasaan premis PYBDT sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 99.06 %.

Berdasarkan rekod inventori, sebanyak 9,019.11 tan metrik buangan terjadual telah dijana sepanjang tahun 2018 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut kategori buangan yang paling tinggi dihasilkan adalah SW 305 iaitu minyak pelincir terpakai sebanyak 3,614.61 tan metrik atau 40.00%. Buangan tersebut adalah berpunca daripada bengkel-bengkel atau pusat servis kenderaan yang banyak terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kategori buangan yang paling rendah dihasilkan pula adalah SW 302 iaitu buangan fluks mengandungi campuran asid organik, pelarut atau sebatian ammonium klorida sebanyak 0.02 tan metrik atau kira-kira 0.02% daripada jumlah keseluruhan. Kategori buangan- buangan lain yang dihasilkan ditunjukkan dalam Jadual 2.0 dan Jadual 2.1.

Bil.	Kategori Buangan Berdasarkan Kod BT	Kuantiti (MT/Tahun)
1	SW 102	92.46
2	SW 103	0.54
3	SW 104	2.99
4	SW 109	44.50
5	SW 110	120.41
6	SW 203	0.23
7	SW 204	96.59
8	SW 206	2.6
9	SW 301	2
10	SW 302	0.02
11	SW 305	3641.61
12	SW 306	6.9
13	SW 307	25.09
14	SW 311	0.98
15	SW 312	16.39
16	SW 320	0.61
17	SW 322	30.27
18	SW 323	0.03
19	SW 327	22.94
20	SW 402	28.95
21	SW 403	4.07
22	SW 404	1647.82
23	SW 405	4.46
24	SW 408	1.14
25	SW 409	162.88
26	SW 410	166.26
27	SW 411	2.29
28	SW 414	1.34
29	SW 416	4.36
30	SW 417	40.31
31	SW 418	67.96
32	SW 421	10.82
33	SW 422	4.04
34	SW 423	294.86
35	SW 429	2470.54
	JUMLAH	9019.11

Jadual 2.0: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Terhasil Di WPKL Dan Putrajaya, 2018 Mengikut Kod Buangan

Bil.	Kategori Buangan Berdasarkan Kod BT	Kuantiti (MT/Tahun)
1	Bengkel/ Workshop	2911.34
2	Berasakan Getah	0.25
3	Elektrik dan Elektronik	17.25
4	Gudang	0.00
5	Hotel	42.15
6	Industri Kimia	2572.49
7	Kenderaan	56.78
8	Kertas	1.75
9	LojiPengolahan Kumbahan (IWK Majari PBT)	0.00
10	Loji Pengolahan Kumbahan Persendirian	0.00
11	Loji Rawatan Air	0.25
12	Makanan dan Minuman	2.00
13	Penapisan Petroleum	0.32
14	Pengilangan Logam	32.55
15	Penydahan Logam dan Sadur Elektrik	1.0
16	Percetakan	167.00
17	Perikanan	2.53
18	Perkhidmatan	2.58
19	Perlombongan	0.00
20	Perubatan	1589.27
21	Plastik	44.14
22	Premis Buangan Terjadual (PYDT)	105.48
23	Restoran	0.00
24	Simen	0.21
25	Tekstil	0.00
26	LainLain	1469.39
	JUMLAH	9019.11

Jadual 2.1: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Terhasil Di WPKL Dan Putrajaya, 2018 Mengikut Industri

BAB 3

OPERASI PUNCA BERGERAK



KENDERAAN DIESEL

OPERASI PUNCA BERGERAK KENDERAAN BERMOTOR

KAWALAN PELEPASAN ASAP DARIPADA KENDERAAN DIESEL

Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- i. Operasi Statik
- ii. Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- iii. Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator).
- iv. Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.
- v. Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

OPERASI STATIK

Sepanjang tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama-sama pihak Perbadanan Putrajaya telah menjalankan sebanyak 10 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Putrajaya. Hasil operasi tersebut sejumlah 332 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 12 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan, daripada jumlah tersebut pula, 5 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 4 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang DiLuluskan. Kenderaan yang ditawarkan kompaun adalah sebanyak 5 kompaun. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 98.5%.



Rajah 3.0 Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas Kenderaan Berenjin Diesel tahun 2018



Gambarfoto 3.0 Operasi Statik yang dijalankan oleh JAS WPKL

OPERASI BERSEPADU

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing.

Sepanjang tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 19 operasi bersama DBKL sementara 1 operasi telah dijalankan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan 1 Operasi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).




Rajah 3.1 : Bilangan Operasi Bersepadu yang telah dilaksanakan bersama agensi lain di sepanjang tahun 2018



Gambarfoto 3.1 : Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama Pihak Agensi Lain

OPERASI CATAT

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat menggunakan Video Kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan. Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan yang Diluluskan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 266 operasi catat telah dijalankan. Sebanyak 26,003 buah kenderaan diesel telah diperhatikan dan daripada jumlah itu, 93 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Rajah 3.2 : Bilangan Operasi Bersepadu yang telah dilaksanakan bersama agensi lain di sepanjang tahun 2018

KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Sejumlah 79 lawatan telah dijalankan ke atas 42 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 3 Notis Arahan dikeluarkan ke atas Pengendali Berkumpulan pada tahun 2018. Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.

KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2018, sebanyak 2 KYDL lagi telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu RAPID BUS SDN.BHD Depoh Maluri dan RAPID BUS SDN.BHD Depoh Sentul. Sebanyak 13 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2018 ke atas KYDL ini sebagai langkah untuk memastikan prosedur uji semula dijalankan mengikut tatacara yang telah digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Pada tahun 2018, sebanyak 59 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM dihadapan pegawai pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.



Gambarfoto 3.2 : Pemeriksaan Di Premis FO/KYDL

KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas tujuh (7) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Pekeliling dan Hentian KL Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 20 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 261 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2018 tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, walaubagaimanapun satu (1) Surat Arahan di Lapangan telah dikeluarkan iaitu arahan supaya pemandu bas mematikan enjin kenderaan semasa berada di hentian.



Gambarfoto 3.3 : Operasi di Hentian Bas



Rajah 3.3 : Bilangan Operasi di Terminal Bas yang telah dilaksanakan

PENGURUSAN REFRIGERAN

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Sebanyak 22 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan Refrigerant Identifier sepanjang tahun 2018 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan di atas.



Gambarfoto 3.4 : Pemeriksaan di pusat servis pendingin hawa kenderaan

KENDERAAN PETROL


KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN PETROL

Pada tahun 2018, sebanyak 7 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Melalui operasi tersebut sejumlah 10 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Sebuah kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut. Perbandingan status pematuhan pelepasan gas CO/HC pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti di Rajah 3.0. Pemilik kenderaan yang gagal ujian pelepasan gas ini telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya hadir ujian semula pelepasan gas di mana-mana JAS Negeri.



Gambarfoto 3.5: Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol



Rajah 3.4 : Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol


KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 9 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan kerajaan. Sebanyak 546 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 73 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut 3 buah motorsikal telah dikenakan kompaun dan empat (4) surat arahan untuk ujian semula bunyi bising atas kesalahan tersebut. Perbandingan status tindakan keatas bunyi bising kenderaan motor pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti di Rajah 3.5.




Gambarfoto 3.6 : Operasi Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



Rajah 3.5 : Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal

KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL

Pada tahun 2018, sebanyak operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas bagi motosikal yang sedang digunakan. Daripada jumlah tersebut didapati buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak kompaun dan Surat Arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had. Perbandingan status tindakan ke atas pelepasan gas CO daripada motosikal pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti di Rajah 3.6.



Rajah 3.6 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO daripada Motosikal



Gambarfoto 3.7 : Operasi Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Gas CO daripada Motosikal

BAB 4

ADUAN




ADUAN

Bagi tahun 2018, sebanyak 499 aduan pencemaran alam sekitar diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berbanding 412 aduan yang diterima pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 87 kes atau 17.43%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 244 aduan adalah tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974, lima puluh lima (55) aduan adalah tidak berasas dan enam puluh sembilan (69) lokasi aduan tidak dapat dikesan. Sebanyak seratus tiga puluh satu (131) aduan yang diterima adalah di luar bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar dan telah dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan


Pengairan dan Saliran, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal(SW Corp), Pejabat Tanah dan sebagainya bagi membantu menyelesaikan aduan yang telah diterima tersebut.

Statistik aduan yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 2008 menunjukkan bahawa bilangan aduan yang diterima tertinggi pada tahun 2010 dengan catatan 521 aduan. Bilangan adalah bergantung kepada penerimaan aduan daripada pengadu melalui talian telefon hotline, saluran internet, ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan tersebut di tunjukkan di Rajah 4.0



Rajah 4.0 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2008 Sehingga Tahun 2018.

Berdasarkan jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2018, pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 337 kes (67.53%) diikuti dengan kes pencemaran bunyi bising sebanyak 74 kes (14.83%), kes pencemaran air sebanyak 41 kes (8.22%), kes pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai i aduan umum sebanyak 40 kes (8.02%), kes pencemaran tumpahan minyak sebanyak 3 kes (0.60%), kes aduan pencemaran tanah sebanyak 2 kes (0.40%), kes aduan gegaran sebanyak 1 kes (0.20%) dan kes pencemaran buangan terjadual sebanyak 1 kes (0.20%) daripada jumlah kes pencemaran yang diterima. Bilangan peratusan mengikut jenis aduan ditunjukkan di Rajah 4.1



Rajah 4.1 : Carta Peratusan Jenis Aduan Tahun 2018

RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN

Sebanyak 311 rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka telah dijalankan sepanjang tahun 2018. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kekerapan rondaan mencegah pembakaran terbuka juga dilakukan di sekitar Parlimen Segambut (45 kes), Batu (42 kes) dan Seputeh (41 kes) yang diterima supaya pemantauan dapat dilakukan di kawasan-kawasan yang sering diadu.

BAB 5

PENDAKWAAN



TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2018, Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengambil tindakan mahkamah terhadap 40 kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Kesalahan tersebut membabitkan 36 kes pendakwaan di bawah Seksyen 22(1), AKAS 1974 dan empat (4) kes lagi di bawah Seksyen 34A(7), AKAS 1974.

Bilangan kes yang telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan pelepasan pencemaran daripada enjin diesel ialah sebanyak 20 kes. Daripada jumlah tersebut, 12 kes telah didakwa dengan keseluruhan denda yang dikenakan berjumlah RM 34,100.00. Manakala lima (5) kes lagi telah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) oleh mahkamah kerana pihak OKS tidak dapat dikesan, satu (1) kes tidak diteruskan (NFA) oleh pihak mahkamah dan satu (1) kes lagi di lepaskan dengan amaran oleh pihak mahkamah. Sementara itu, terdapat satu (1) kes yang masih lagi dalam tindakan mahkamah.


Sementara itu, bilangan kes yang telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan pelepasan pencemaran daripada enjin petrol kenderaan pula adalah sebanyak 16 kes, yang mana 11 kes telah didakwa dan telah membayar kompaun sebanyak RM 9,000.00. Sebanyak lima (5) kes pula telah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) oleh mahkamah kerana orang kena saman (OKS) tidak dapat dikesan.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 34A(7) pula adalah sebanyak empat (4) kes. Kesemua kesalahan telah tidak diteruskan (NFA) oleh pihak mahkamah. Jumlah kutipan keseluruhan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 43,100.00.

JENIS&ESALAHAN	BILANGAN KES	DENDA (RM)
Seksyen 22, AKAS 1974	36	
Pelepasan pencemaran daripada enjin diesel - 12 kes didakwa - 5 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) - 1 kes tidak diteruskan (NFA) - 1 kes dilepaskan dengan amaran 1 kes tindakan mahkamah	20	JUMLAH KOMPAUN = RM34,100.00
Pelepasan pencemaran daripada enjin petrol & motosikal 11 kes didakwa 5 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA)	16	JUMLAH KOMPAUN=RM9,000.00
Seksyen 34A(7), AKAS 1974 4 kes tidak diteruskan (NFA)	4	

Jadual 5.0 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan Di Mahkamah, JAS WPKL Tahun 2018
Nota: DNAA - Dilepaskan tanpa dibebaskan. DNA - Dilepaskan dan dibebaskan. NFA – Kes tidak diteruskan

KES-KES MAHKAMAH JAS WPKL 2018



Rajah 5.0 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan Di Mahkamah, JAS WPKL Tahun 2018

BAB 6

PENILAIAN



PEMROSESAN LAPORAN EIA


Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah memproses lima (5) Laporan EIA dan tiga (3) Laporan Term of Reference dalam tempoh piagam yang ditetapkan.

INPUT PEMBANGUNAN


Satu kolokium berkenaan pemprosesan permohonan Input Pembangunan telah diadakan oleh Unit Penilaian kepada semua kakitangan JAS WPKL pada awal tahun selaras dengan pemakaian panduan baru iaitu Environmental Essentials For Siting Of Industries and Residential Areas (EESIM) yang lebih komprehensif dan praktikal menggantikan “Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Area” (SZIRA). Ianya mengambil kira impak-impak alam sekitar yang perlu dikaji berdasarkan kepada jenis aktiviti pembangunan industri yang dicadangkan melalui keperluan teknologi dan alat kawalan yang berkesan dalam memastikan kesesuaian tapak cadangan pembangunan. Panduan baru digunapakai dalam membuat penilaian tapak cadangan projek yang menyelaras dan memperkenalkan keperluan aspek terkini alam sekitar ke arah pematuhan sendiri terpimpin. Konsep-konsep digunapakai antaranya adalah Best Available Technology (BAT) & Best Available Control Technology (BACT), Teknologi Bersih atau Cleaner Production (CP), Eco-Industrial Park (EIP), Guided Self Regulation (GSR) di samping Environmental Mainstreaming Tools (EMT).

Panduan baru ini membantu Kerajaan Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi dibawahnya serta Jabatan Alam Sekitar dalam merancang dan menentukan kawasan pembangunan dan penempatan industri yang dicadangkan. Pada tahun 2018, sebanyak 27 permohonan telah diterima dan telah diproses mengikut tempoh piagam yang ditetapkan. Pada keseluruhannya permohonan Input Pembangunan yang diterima di JAS WPKL adalah daripada Premis Yang Ditetapkan (PYDT) iaitu sektor operasi kilang, Cement Bleaching Plant (CBP) iaitu pembinaan sementara premis pembancuh konkrit, pembinaan kawasan perumahan, projek-projek tertakluk penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) dan penempatan di kawasan premis sedia ada.

Bagi tahun 2018, status permohonan Input Pembangunan yang diproses oleh JAS WPKL untuk kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya adalah seperti di Rajah 6.0 dan Rajah 6.1



Rajah 6.0 : Status Permohonan dan Bilangan Permohonan Input Pembangunan Mengikut Sektor Permohonan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2018




Rajah 6.1 : Perbandingan Bilangan Permohonan Yang Diterima Oleh JASWPKL Mengikut Sektor Permohonan Tahun 2016, 2017 dan 2018

PERMOHONAN PEMBERITAHUAN BERTULIS DAN PERISYTIHARAAN BERTULIS

Permohonan Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharaan Bertulis Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) diterima daripada syarikat swasta seperti MRT Corp. Sdn. Bhd., syarikat pembinaan bangunan kediaman, pejabat, premis komersil dan bangunan kerajaan di sekitar WPKL dan Putrajaya. Permohonan Perisytiharaan Bertulis adalah susulan daripada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam permohonan Pemberitahuan Bertulis tersebut.

Agensi. Pada keseluruhannya permohonan tersebut yang diterima di JAS WPKL adalah dinyatakan dalam Rajah 6.2



Rajah 6.2 : Bilangan Permohonan Pemberitahuan Bertulis Yang Diterima JASWPKL Mengikut Sektor Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya


BAB 7

PENGUATKUASAAN POST EIA



PENGUATKUASAAN POST EIA

Sebanyak 100 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 11 projek EIA yang dipantau bagi tahun 2018 yang melibatkan projek di peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 100 field citation, 23 Notis Arahan dan tiga (3) Kes Mahkamah dikeluarkan bagi tahun 2018.



Rajah 7.0 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

GAMBARFOTO BEST MANAGEMENT PRACTICES DI TAPAK PROJEK MASS RAPID TRANSIT (MRT LINE 2)



Gambarfoto 7.0 : Gambar menunjukkan di “Wash Trough” kawasan projek bagi mengawal pencemaran sisa tanah di jalanraya



Gambarfoto 7.1 : Gambar menunjukkan Silt Pond & Waste Water Treatment Plant di kawasan projek bagi kawalan pencemaran air.



Gambarfoto 7.2 : Gambar menunjukkan Silt Fence dipasang sebagai langkah kawalan larian permukaan.



Gambarfoto 7.3 : Gambar menunjukkan Noise Barrier dipasang sebagai langkah kawalan pencemaran bunyi bising



Gambarfoto 7.4 : Gambar menunjukkan “Turfing” di tapak projek sebagai langkah mengawal cerun.



Gambarfoto 7.5 : Gambar menunjukkan “Earth Drain” di tapak projek bagi mengawal air larian permukaan

GAMBARFOTO LAWATAN TAPAK PROJEK SPE (DUKE 3)



Gambarfoto 7.6 : Gambar Silt Fence & Sand Bag di tapak projek bagi mengawal larian permukaan.



Gambarfoto 7.7 : Gambar plastic cover di kawasan tanah yang terdedah bagi kawalan cerun secara sementara.



Gambarfoto 7.8 : Gambar menunjukkan “Check Dam” di tapak projek bagi memerangkap sediment dan mengurangkan kelajuan air larian.



BAB 8

PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING



PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING

Unit Pengawasan dan Alatan Teknikal, Bahagian Pembangunan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Program pengawasan kualiti alam sekeliling di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2018 terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Program pengawasan kualiti air tanah di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bermula sejak tahun 1997. Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat di bawah Projek Pembangunan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK11) telah menghasilkan Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan dan Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT).

kegunaan berfaedah seperti berikut:

- i- Kegunaan Air Minuman (bagi rawatan secara konvensional)
- ii- Kegunaan Pertanian; dan
- iii- Kegunaan Industri

Jadual 8.0, Jadual 8.1 dan Jadual 8.2 menunjukkan Standard Kualiti Air Tanah mengikut keperluan berfaedah masing-masing.

Jadual 8.0, Jadual 8.1 dan Jadual 8.2 menunjukkan Standard Kualiti Air Tanah mengikut keperluan berfaedah masing-masing.

PARAMETER	THRESHOLD (mg/L)
Total Coliform	5000 MPN/100 ml
EColi	5000 MPN/100 ml
Turbidity	1000 NTU
Color	300 TCU
Ph	5.5–9.0
Temperature	Nomal \pm 2°C
Conductivity	1000 μ S/cm#
Total dissolved solids	1500
Chloride	250
Ammonia	1.5
Nitrate	10
Iron	1.0
Fluoride	1.5
Hardness	500
Manganase	0.2
COD	10
MBAS	1.0
BOD	6
Nitrite	0.4#
Mercury	0.001
Cadmium	0.003
Arsenic	0.01
Cyanide	0.07

Jadual 8.0 : Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan Untuk Rawatan Air Minuman Secara Konvensional

* Aldrin/dieldrin, DDT, Heptachlor, Methoxychlor, Lindane, Chlordane, Endosulfan, hexachlorobenzene, 2,4,5-T, 2,4-D,2,4-DB, Alachlor, Aldicarb, Carbofuran, MCPA, Permethrin# Diambil dari Class IIA, National Water Quality Standards

PARAMETER	THRESHOLD (mg/l)	BENEFICIAL USE
Aluminium	5.0	Agricultural use
Arsenic	0.1	Agricultural use
Cadmium	0.01	Agricultural use
Chromium	0.1	Agricultural use
Copper	0.2	Agricultural use
Manganese	0.2	Agricultural use
Nickle	0.2	Agricultural use
Sodium	3.0 me/L * (SAR ¹ < 3)	Agricultural use
Chloride	4.0 me/L	Agricultural use
Zinc	2.0	Agricultural use
Boron	0.7	Agricultural use
Conductivity	700 μ S/cm	Agricultural use
Nitrate & nitrite	100	Livestock
Sulphate	1,000	Livestock
TDS	3,000	Livestock

Jadual 8.1 : Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan Untuk Pertanian

PARAMETER	THRESHOLD (mg/L)
Alkalinity	300
COD	30
Chloride	100
Fe	0.3
Mn	0.2
pH	6.5–8.0
Silica	20.0
Sulphate	200
TDS/Cond (mS/m)	450/70
SS	5
Total hardness	250

Jadual 8.2 : Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan Untuk Industri

Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) merupakan indikator berbentuk ringkasan dan bersifat umum bagi menentukan status kualiti air tanah. Terdapat tujuh (7) parameter yang diambil kira dalam pengiraan IKAT iaitu pH, Total Dissolved Solid, Nitrate, Sulphate, E-coli, Ferum dan Fenol.

Jadual 8.3 menunjukkan bacaan IKAT mengikut kategori dan kegunaan yang berpotensi.

IKAT	KATEGORI	KEGUNAAN BERPOTENSI
0 – 29	Sangat Tercemar	Kajian dan siasatan lanjut perlu dilakukan sebelum penggunaan
30 – 50	Tercemar	Penggunaan Pengairan / Pertanian
51 – 74	Sederhana Tercemar	Air Mentah / Penggunaan Industri
75 - 89	Bersih	Air Minuman tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan oleh Standard Kualiti Air Minuman Kementerian Kesihatan Malaysia
>90	Sangat Bersih	Air berkualiti tinggi bagi semua tujuan, tertakluk kepada Standard yang ditetapkan untuk jenis penggunaan.

Jadual 8.3: Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT)

Unit Pengawasan dan Alatan Teknikal Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan kerja-kerja pemantauan kualiti air bawah tanah dan penyelenggaraan bagi enam (6) stesen telaga air tanah yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedudukan dan bilangan stesen air bawah tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti di Jadual 8.4.

Bil	Lokasi	Jenis Guna Tanah	ID Stesen Baru / ID stesen Lama	Long/Lat
1	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-47.26/ MW(7) -S13-1-7.26m (A)	E 101.658580 N 3.232221
2	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10/ MW(7)-S13-1-6.10m (B)	E 101.656352 N 3.227653
3	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-1-5.50/ MW(7)-S11-1-5.50m (A)	E 101.708737 N 3.105767
4	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54/ MW(7)-S11-1-5.54m (B)	E 101.709923 N 3.107251
5	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-3-5.57/ MW(7)-S11-1-5.57m (C)	E 101.709923 N 3.107251
6	Royal Selangor Golf Resort	Padang Golf	MW(7)-W310115-6-5.37/ MW(7)-S12-1-5.37m (C)	E 101.724000 N 3.148000

Jadual 8.4 : Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018

GAMBARFOTO STESEN TELAGA PEMANTAUAN KUALITI AIR TANAH , 2018



Gambarfoto 8.0 : Dua (2) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Taman Beringin Kepong



Gambarfoto 8.1 : Tiga (3) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Jalan Sungai Besi



Gambarfoto 8.2 : Satu (1) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Royal Selangor Golf Club

Persampelan air tanah dilakukan sebanyak empat (4) kali iaitu bagi setiap suku tahun untuk ke semua lima (5) daripada enam (6) lokasi stesen telaga memandangkan satu (1) lokasi iaitu Royal Golf Selangor Club masih dalam tindakan penyelenggaraan. Kerja-kerja persampelan boleh dirujuk pada gambarfoto.

GAMBARFOTO KERJA-KERJA PERSAMPELAN TELAGA AIR TANAH, 2018



Gambarfoto 8.3 : Botol persampelan untuk dihantar ke Jabatan Kimia



Gambarfoto 8.4 : Kaedah mengambil bacaan in-situ

Sebanyak tujuh (7) persampelan yang diambil bagi setiap stesen untuk dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa iaitu:

- i- Sebatian organic meruap (VOC),
- ii- Racun makhluk perosak (Organochlorine Pesticide),
- iii- Logam berat (Heavy Metals),
- iv- TOC,
- v- Phenols,
- vi- Bakteria (Total Coliform / Faecal Coliform / E-Coli); dan
- vii- Parameter Umum [Nitrate (NO₃), Phosphate (PO₄), Chloride (Cl), Jumlah Pepejal Terampai (TDS) dan Jumlah Kelikatan (CaCO₃)]

Bacaan in-situ yang diambil ialah pH, suhu (0C), konduktiviti (uS/cm), kekeruhan (NTU), oksigen terlarut (mg/l), kemasinan (PPT) dan juga Ammonia (mg/l)


Jadual 8.5 menunjukkan keputusan bacaan Indeks Kualiti Air Tanah bagi stesen-stesen air tanah yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Didapati dua (2) lokasi stesen di Taman Beringin berpotensi untuk kegunaan air mentah, industri dan air minuman, walau bagaimanapun masih tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan oleh Standard Kualiti Air Minuman, Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, tiga (3) lokasi stesen telaga Air Tanah di Jalan Sungai Besi turut berpotensi yang sama dengan kegunaan di Taman Beringin kecuali telaga MW(7)-W310115-3-5.57 yang berpotensi sebagai bekalan air berkualiti tinggi bagi semua tujuan, tertakluk kepada standard yang ditetapkan untuk jenis kegunaannya.

Kawasan	Station ID	Tarikh Persampe	IKAT GWQI	Kategori	Parameter							Bilangan Pencemar
					pH	Iron	Phenol	TDS	Sulfate	Nitrate	E. coli	
Taman Beringin	MW(7) -W310115-4-7.26/ (MW(7) -S13-1-7.26m (A))	21.3.2018	80	Good	100	88	0	92	100	100	100	0
		28.6.2018	64	Fair	100	0	0	90	99	99	100	0
		19.9.2018	75	Good	100	87	0	90	99	100	74	0
		14.1.2018	77	Good	100	74	0	87	99	100	100	0
Taman Beringi	MW(7) -W310115-5-6.10/ (MW(7) -S13-1-6.10m (B))	21.3.2018	74	Good	100	0	60	82	95	100	100	0
		28.6.2018	80	Good	100	92	0	84	99	100	100	0
		19.9.2018	66	Fair	100	16	0	90	100	100	96	0
		14.11.201	64	Fair	100	0	0	85	100	99	100	0
Jalan Sungai Besi	MW(7) -W310115-1-5.50/ (MW(7) -S11-1-5.50m (A))	22.3.2018	65	Fair	100	0	0	91	100	100	100	0
		26.6.2018	65	Fair	100	0	0	90	100	100	100	0
		26.9.2018	65	Fair	100	0	0	92	100	99	100	0
		13.11.201	65	Fair	100	0	0	91	100	100	100	0
Jalan Sungai Besi	MW(7) -W310115-2-5.54/ (MW(7) -S11-1-5.54m (B))	22.3.2018	69	Fair	100	24	0	89	100	100	100	0
		26.6.2018	70	Good	100	32	0	90	100	100	100	0
		26.9.2018	79	Good	100	50	33	89	98	99	100	0
		13.11.201	72	Good	100	45	0	91	99	100	100	0
Jalan Sungai Besi	MW(7) -W310115-3-5.57/ (MW(7) -S11-1-5.57m (C))	22.3.2018	91	Excellent	100	83	67	91	99	100	100	0
		26.6.2018	80	Good	100	92	0	91	99	98	100	0
		26.9.2018	92	Excellent	100	91	67	91	99	99	100	0
		13.11.201	81	Good	100	93	0	93	99	99	100	0

Jadual 8.5 menunjukkan Indeks Kualiti Air Tanah Kebangsaan (IKAT) bagi lima (5) lokasi telaga Air Bawah Tanah seliaan JAS WPKL, 2018

PENGAWASAN KUALITI UDARA

Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dijalankan sejak Ogos 1995 oleh Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA). Bermula pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab bagi membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi melaksanakan pemantauan status kualiti udara secara online. Gambarfoto 8.5 menunjukkan modul pengawasan kualiti udara dalam sistem EQMP.



Gambarfoto 8.5 : Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi modul Pengawasan Udara

Terdapat tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara automatik (Continuous Air Quality Monitoring – CAQM) dan tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara manual (Manual Air Quality Monitoring – MAQM) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadual 8.6 dan Jadual 8.7 serta gambarfoto 8.6 hingga gambarfoto 8.11 menunjukkan maklumat berkaitan stesen pengawasan kualiti udara di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK /
Continues Air Quality Monitoring Station (CAQMS)

NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT	KATEGORI
Batu Muda CA15W	Sekolah Kebangsaan Jalan 2/12d, Sentul, 51100 Kuala Lumpur	101.682228 3.212439	Sub Urban
Cheras CA16W	Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur	101.717917 3.106236	Urban
Presint 18 CA17W	Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3, Jalan P18, Presint 18, 2100 Putrajaya	101.69005 2.914816	Sub Urban

Jadual 8.6 : Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018

**GAMBARFOTO STESEN PENGAWASAN UDARA AUTOMATIK (CAQM)
SELIAAN JAS WPKL, 2018**



Gambarfoto 8.6 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Batu Muda , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambarfoto 8.7 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Menengah Seri Permaisuri, Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambarfoto 8.8 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Presint 18(2) , Wilayah Persekutuan Putrajaya

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA MANUAL /
Manual Air Quality Monitoring Station (MAQMS)

NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W	MRR1 Jalan Temerloh, Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur,	101.707494 3.173285
Wisma SCA MA05W	JAS WPKL No.3, Jalan Sungai Besi 57100 Kuala Lumpur	101.712559 3.132627
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W	Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	101.694368 3.151995

Jadual 8.7 : Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018

GAMBARFOTO STESEN PENGAWASAN UDARA MANUAL (MAQM) SELIAAN JAS WPKL, 2018



Gambarfoto 8.9 : Stesen Udara Manual di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambarfoto 8.10: Stesen Udara Manual di Wisma SCA, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambarfoto 8.11 : Stesen Udara Manual di Bangunan DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


Status Kualiti Udara diukur dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah Pepejal terampai bersaiz 10 mikrometer (PM₁₀) dan bersaiz 2.5 mikrometer (PM_{2.5}), Sulfur dioksida (SO₂), Nitrogen doiksida (NO₂), Karbon monoksida (CO) dan ozon paras bumi (O₃).

Pada tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan standard baru kualiti udara ambien. Jadual 8.8 menunjukkan Interim Target 2018 dan standard bacaan kualiti udara ambien pada tahun 2020

STANDARD BARU KUALITI UDARA AMBIEN (2013) BAGI INTERIM TARGET (IT-2) 2018				STANDARD (2020)	
Bahan Pencemar / Pollutant	Masa Purata / Averaging Time	Garis Panduan		Garis Panduan	
		mg/m ³	(µg/m ³)	mg/m ³	(µg/m ³)
Ozon / Ozone (Ground Level) (O ₃)	1 Hour		200		180
	8 Hours		120		100
Karbon Monoksida Carbon Monoxide (CO)	1 Hour	35		30	
	8 Hours	10		10	
Nitrogen Dioksida / Nitrogen Dioxide (NO ₂)	1 Hour		300		280
	24 hours		75		70
Sulfur Dioksida (SO ₂) / Sulphur Dioxide (SO ₂)	1 Hour		300		250
	24 hours		90		80
Pepejal Terampai (PM ₁₀) / Particulate Matter (PM ₁₀)	24 Hours		120		100
	12 Months		45		40
Pepejal Terampai (PM _{2.5}) / Particulate Matter (PM _{2.5})	24 Hours		50		35
	12 Months		25		15

Jadual 8.8 : Interim Target 2018 dan Standard Baru Kualiti Udara Ambien Tahun 2020

Pada tahun 2018, status kualiti udara (IPU) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan bacaan maksimum bagi bilangan hari berkeadaan sederhana. Bacaan hari berkeadaan baik dicatatkan di stesen Batu Muda dengan bilangan sebelas (11) hari dan stesen Putrajaya dengan bilangan lima (5) hari. Bacaan tidak sihat telah dicatatkan di stesen Cheras dengan bilangan sepuluh (10) dan stesen Putrajaya dengan bilangan tujuh (7) hari. Parameter pencemar yang dicatatkan tidak sihat adalah disebabkan oleh PM10 dan ozon. Maklumat berkaitan statistik kualiti udara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya boleh dirujuk pada Rajah 8.0



Rajah 8.0: Status Kualiti Udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2018


Petunjuk:

Indeks Pencemaran Udara (IPU)	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya

KUALITI AIR SUNGAI

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Program pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dijalankan sejak Ogos 1995 oleh Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA). Bermula pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab bagi membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi melaksanakan pemantauan status kualiti air secara online. Gambarfoto 8.12 menunjukkan modul pengawasan kualiti air sungai dalam sistem EQMP.



Gambarfoto 8.12 : Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi modul Pengawasan Air Sungai

Terdapat satu (1) stesen pengawasan kualiti air sungai (Continuous River Water Quality Monitoring – CRWQM) dan dua puluh enam (26) stesen pengawasan kualiti air sungai manual (Manual River Water Quality Monitoring – MRWQM) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadual 8.9 dan 8.10 serta gambarfoto 8.13 menunjukkan maklumat berkaitan stesen pengawasan kualiti air sungai di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK / Continues River Water Quality Monitoring Station (CRWQM)				
ID	NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT	CATATAN
CR12W	KAMPUNG PASIR Petaling, Kuala Lumpur	Confluences Sungai Kerayong, STP Pantai	101671896 3.090691	Upstream 1K25 Downstream 1K06

Jadual 8.9 : Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL /
Manual River Water Quality Monitoring Station (MRWQM)

ID STESEN	SUNGAI	LOKASI
2WKLG041 (1K35)	AIR BUSUK	Wisma Felda Ecovest, Kg Puah Sentul
2WKLG047 (1K42)	ANAK AIR BA	Masjid Universiti Malaya
2WKLG056 (1K19)	BATU	Jambatan JPS Kg.Kasipillay
2WKLG061 (Baru)	BATU	Jambatan Jalan Ipoh Kampung Batu
2WKLG040 (1K34)	BELONGKONG	Pasar Besar Gombak
2WKLG006 (1K27)	BUNOS	HKL
2WKL G039 (1K33)	BUNOS	Pulapol Jln. Semarak
2WKLG043 (1K37)	BUNOS	Sek.Men.Teknik Setapak
2WKLG018 (1K17)	GOMBAK	Jambatan di Perhentian Tun Razak
2WKLG026 (1K18)	GOMBAK	Kg.Bandar Dalam, Padang Balang
2WKLG060 (Baru)	GOMBAK	PWTC
2WKLG014 (1K22)	JINJANG	Sek.Keb. Batu
2WKLG031 (1K38)	JINJANG	Bulatan Jalan Ipoh
2WKLG045 (1K29)	JINJANG	Taman Wahyu(Kolam JPS)
2WKLG015 (1K21)	KEROH	Kasepilley Dalam
2WKLG001 (1K06)	KLANG	Jambatan di Petaling Bahagia
2WKLG002 (1K07)	KLANG	Jambatan dekat Bangunan Sultan Sulaiman
2WKLG003 (1K08)	KLANG	Jambatan Jalan Dang Wangi
2WKLG004 (1K25)	KLANG	Jambatan Mid Valley dengan Flat Abd.Hukum
2WKLG049 (1K09)	KLANG	Berhampiran Balai Bomba Keramat
2WKLG052 (1K15)	KUYOH	Jambatan Bawah Berdekatan Petron
2WKLG010 (1K50)	PENCHALA	Taman Lembah Kiara(TTDI)
2WKLG051 (1K41)	KERAYONG	Sk Seri Setia Taman Desa
2WKLG013 (1K47)	KERAYONG	Jalan Quarry Cheras
2WKLG037 (1K31)	TOBA	Segambut Dalam
2WKLG038 (1K32)	UNTUT	Kuarters Polis Sentul

*Jadual 8.10:
Lokasi Stesen
Pengawasan
Kualiti Udara
Manual Seliaan
Jabatan Alam
Sekitar Wilayah
Persekutuan
Kuala Lumpur,
2018*

GAMBARFOTO STESEN PENGAWASAN AIR SUNGAI AUTOMATIK (CRWQM) SELIAAN JAS WPKL, 2018



Gambarfoto 8.13 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik Kampung Pasir, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada tahun 2018, terdapat dua puluh enam (26) stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan empat belas (14) sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Bunos, Sungai Jinjang, Sungai Kerayong, Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Toba, Sungai Untut, Sungai Belongkong, Sungai Air Busuk, Sungai Anak Air Batu dan Sungai Penchala sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.10

Secara keseluruhannya, Indek Kualiti Air (IKA) bagi tahun 2018 menunjukkan hampir semua stesen pengawasan berada dalam kelas III kecuali bagi stesen di Sungai Kerayong 2WKLG013 (1K47) dan Sungai Bunos 2WKLG006 (1K27) dalam kelas IV serta stesen di Sungai Pencala 2WKLG010 (IK50) yang berada dalam kelas II seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8.1.

BIL	LEMBANGAN	SUNGAI	STESEN ID	KELASIKA 2018
1	KLANG	AIR BUSUK	2WKLG041 (1K35)	III
2	KLANG	ANAK AIR BATU	2WKLG047 (1K42)	III
3	KLANG	BATU	2WKLG056 (1K19)	III
4	KLANG	BATU	2WKLG061 (Baru)	III
5	KLANG	BELONGKONG	2WKLG040 (1K34)	III
6	KLANG	BUNOS	2WKLG006 (1K27)	IV
7	KLANG	BUNOS	2WKL G039 (1K33)	III
8	KLANG	BUNOS	2WKLG043 (1K37)	III
9	KLANG	GOMBAK	2WKLG018 (1K17)	III
10	KLANG	GOMBAK	2WKLG026 (1K18)	III
11	KLANG	GOMBAK	2WKLG060 (Baru)	III
12	KLANG	JINJANG	2WKLG014 (1K22)	III
13	KLANG	JINJANG	2WKLG031 (1K38)	III
14	KLANG	JINJANG	2WKLG045 (1K29)	III
15	KLANG	KEROH	2WKLG015 (1K21)	III
16	KLANG	KLANG	2WKLG001 (1K06)	III
17	KLANG	KLANG	2WKLG002 (1K07)	III
18	KLANG	KLANG	2WKLG003 (1K08)	III
19	KLANG	KLANG	2WKLG004 (1K25)	III
20	KLANG	KLANG	2WKLG049 (1K09)	III
21	KLANG	KUYOH	2WKLG052 (1K15)	III
22	KLANG	PENCHALA	2WKLG010 (1K50)	II
23	KLANG	KERAYONG	2WKLG051 (1K41)	III
24	KLANG	KERAYONG	2WKLG013 (1K47)	IV
25	KLANG	TOBA	2WKLG037 (1K31)	III
26	KLANG	UNTUT	2WKLG038 (1K32)	III

Rajah 8.1 Status Indeks Kualiti Air Sungai (IKA) 2018 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BAB 9

PENGURUSAN ASET DAN STOR



ASET DAN STOR

Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) digunakan bagi tujuan pengurusan dan kawalan status peralatan aset jabatan. Sistem ini juga memantau kawalan perolehan dan penggunaan stok di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengurusan aset dan stor di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada tiga (3) kategori stor iaitu Teknikal, Pentadbiran dan ICT. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan (JKPAK) JAS WPKL bermesyuarat empat (4) kali setahun untuk melaporkan status pengurusan aset Jabatan ke Ibu Pejabat.



Rajah 9.0 : Menunjukkan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset

ASET DAN STOR TEKNIKAL

Pengurusan aset dan stor teknikal adalah elemen penting sebagai persediaan dari segi peralatan dan kemudahan untuk penguatkuasaan pegawai-pegawai JAS WPKL dan perlu diuruskan dengan baik. Stor Teknikal telah berjaya mencapai kadar pusingan stok dengan nilai 3.706 pada tahun 2018.

Jadual 9.0 di bawah menunjukkan nilai aset Stor Teknikal JASWPKL pada tahun 2018 yang telah diselia Unit Pengawasan dan Aset Teknikal.

Perkara	Bilangan	(RM)
Aset Teknikal 2018		
Harta Modal	84	103,1281.20
Aset Bernilai Rendah	20	15,759.80
Jumlah Keseluruhan		1,047041.00

Jadual 9.0 : Nilai Keseluruhan Aset dan Stor Teknikal 2018

Di samping itu, bagi memastikan aset iaitu yang melibatkan harta modal seperti peralatan teknikal dapat digunakan dengan baik ianya perlu diselenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan. Peralatan teknikal yang diselenggara adalah seperti di Jadual 9.1 manakala Jadual 9.2 menunjukkan aset yang dilupuskan pada tahun 2018

BIL	NAMA ASET	NO SIRI	BAJET KALIBRASI
1	Smoke Test Set (Technomotor)	NRE/JAS(KL)/H/12/26	RM 307.40
2	Sound Level Meter (Ono-Sokki)	NRE/JAS(KL)/H/13/13	RM 1272.00
3	CO Analyzer (Ten Innova)	NRE/JAS(KL)/H/09/23	RM 519.40
4	Multiprobe YSI (PRODSS)	NRE/JAS(KL)/H/16/12	Warranty

Jadual 9.1 : Peralatan-Peralatan yang Diselenggara dan Kalibrasi 2018

BIL	NAMA ASET	NO SIRI	Kaedah pelupusan
1	Smoke Test Set (Technomotor)	NRE/JAS(KL)/H/12/29	Hadiah kepada EiMAS
2	Ambient Particulate Sampler	NRE/JAS(KL)/H/13/11	Hadiah kepada JAS Pahang

Jadual 9.2 : Peralatan-Peralatan yang Dilupuskan 2018

Pada 12 Februari 2018, Unit Pengawasan dan Aset Teknikal dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran telah menganjurkan Hari Interaksi Bil.1/2018 kepada pegawai-pegawai JAS WPKL. Matlamat utama Hari Interaksi diadakan adalah bagi mengemaskini status penyimpanan aset-aset Jabatan oleh setiap pegawai didalam borang KEW.PA-7. Selain itu pegawai-pegawai juga didedahkan dengan sesi ceramah berkaitan status kualiti air sungai oleh Dr. Zaki Zainuddin dan status kualiti udara oleh wakil Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. Pegawai-pegawai JAS WPKL juga di bawa melawat ke stesen pengawasan kualiti udara manual yang terletak di tingkat atas Wisma SCA. Gambarfoto di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti sepanjang Hari Interaksi Bil.1/2018 yang telah dianjurkan.



Gambarfoto 9.1 : Program Hari Interaksi Bil. 1/2018 JAS WPKL

BAB 10

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



PROGRAM KESEDARAN

Aktiviti pendidikan alam sekitar dan kesedaran awam serta sebaran maklumat mengenai kepentingan alam sekitar terus dipertingkatkan bagi tahun ini. Ceramah dan pameran alam sekitar juga diberikan kepada agensi kerajaan atau pihak-pihak yang membuat permintaan untuk mendapatkan khidmat ceramah dari JAS seperti dari Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan penduduk, sekolah dan sebagainya. Aktiviti yang akan diadakan adalah seperti seminar, bengkel, dialog, ceramah dan pameran.

Sebanyak 106 buah sekolah telah diadakan promosi berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar seperti mengadakan ceramah, pameran dan mengadakan aktiviti berbentuk alam sekitar.

Selain itu, sebanyak 26 ceramah atau taklimat berkenaan kesedaran alam sekitar telah disampaikan kepada pihak industri, Institut Pendidikan Guru, pemaju projek dan orang awam. Di samping itu, mengadakan pameran kepada 32 agensi/syarikat telah dijalankan.

Program pendidikan alam sekitar juga diadakan dalam bentuk program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS). Pada tahun ini, KeKAS telah diadakan pada 16-18 November 2018 bertempat di Lata Lembik Pahang. Peserta kali ini terdiri daripada bakal-bakal guru dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Pemilihan peserta ini diharapkan kesedaran alam sekitar ini dapat diterapkan kepada anak-anak murid apabila telah bertugas kelak.

Pada tahun 2018 juga, sebanyak 35 buah kolokium telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Jabatan ini mahupun jemputan dari pihak luar. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan JAS WPKL. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai JAS WPKL yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu. Selain itu, Jabatan juga telah mengadakan tiga (3) lawatan bagi meningkatkan pembangunan manusia pegawai-pegawai iaitu Lawatan Peningkatan Integriti ke Penjara Bentong Pahang, Lawatan Pemantapan Sistem Pengolahan Rawatan Kumbahan ke IWK Putrajaya dan Lawatan Teknikal ke Kilang Mamee Melaka, menyusur sungai Melaka untuk melihat sistem pembersihan sungai dan Jimah Power Plant di Negeri Sembilan.

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Jabatan ini juga telah menerima pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM Shah Alam, UiTM Terengganu, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia dan Politeknik Sabak Bernam bagi menjalankan latihan industri. Pada tahun 2018, sebanyak 14 orang pelajar telah diterima untuk melakukan latihan industri di JAS WPKL dari jurusan berkaitan alam sekitar dan kejuruteraan. Mereka ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini di bawah penyeliaan ketua unit masing-masing. Mereka didedahkan kepada pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pendidikan, pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar.

SAMBUTAN HARI OZON ANTARABANGSA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Unit Pengawasan dan Teknikal bersama-sama Unit Kenderaan Bermotor serta Unit Kesedaran telah melaksanakan Sambutan Hari Ozon Antarabangsa Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Institut Kemahiran Mara (IKM) Kuala Lumpur pada 16 – 17 Ogos 2018. Antara pengisian program tersebut adalah ceramah dan Enviro Hunt. Pada 16 Ogos 2018, program dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Cik Shafiza Jabar Basha dari Seksyen Perlindungan Ozon Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat berkaitan Perlindungan Lapisan Ozon dan ceramah berkaitan Status kualiti Udara Kuala Lumpur oleh Puan Nor Liza Yen dari Unit Pengawasan dan Aset Teknikal Bahagian Pembangunan JAS WPKL. Aktiviti seterusnya adalah Enviro Hunt yang mana seramai 140 peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar IKM telah menyertai Program tersebut. Peserta dibahagikan secara berkumpulan dengan tujuh (7) ahli setiap kumpulan. Setiap kumpulan perlu menyelesaikan tujuh (7) tugas yang diberikan. Pada 17 Ogos 2018, Program penyampaian hadiah dan Majlis penutup sambutan Hari Ozon Antarabangsa Peringkat Wilayah Persekutuan telah disempurnakan oleh Puan Norlin Jaafar, Pengarah JAS WPKL. Gambarfoto 10.0 menunjukkan aktiviti Sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2018 yang telah dianjurkan.



Gambarfoto 10.0 : Aktiviti Sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2018 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2018

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) atau sebelum ini dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar (MASM) adalah merupakan acara tahunan JAS bagi memupuk kesedaran alam sekitar dalam pelbagai lapisan masyarakat ke arah pembangunan yang lestari.

Sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2018 telah diadakan pada 13 Oktober 2018 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. JAS WPKL telah bekerjasama sekali lagi dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menjayakan sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2018.

Tema HASN pada tahun 2018 ialah “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Tema ini dipilih bertujuan untuk memberi kesedaran bahawa tanggungjawab memelihara alam sekitar adalah terletak dibawah seluruh rakyat Malaysia.

Beberapa aktiviti seperti Jadual 10.0 yang melibatkan semua lapisan masyarakat telah diadakan bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Pada tahun ini, terdapat tiga (3) aktiviti utama yang dijalankan iaitu Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara, Pertandingan Debat Terbuka (DeTIK) dan Majlis Penutup Hari Alam Sekitar Negara.

Program ini mendapat kerjasama penuh daripada Rakan Strategik seperti Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, agensi awam, swasta dan NGO yang turut memberi kerjasama padu bagi menjayakan sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2018.

Tarikh	Program
13 Oktober 2018	<p>Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara.</p> <p>Dirasmikan oleh MB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan.</p> <p>Pendaftaran 60 kumpulan peserta Pertandingan Debat Alam Sekitar (Detik) dari pelbagai IPTA seluruh Malaysia.</p> <p>Siaran secara lintas langsung TV Pendidikan</p>
13 Oktober 2018	<p>Taklimat Biodegradable plastic</p> <p>Taklimat Tanggungjawab Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama</p> <p>Pertandingan Mewarna (Kategori Pra Sekolah & Tahap Satu)</p> <p>Fun @ Snake N Ladder Land</p> <p>Eco Zumba</p> <p>Aktiviti penanaman pokok buahbuahan</p> <p>Pameran alam sekitar</p> <p>Pengumpulan buangan elektrik (e waste)</p> <p>Demo penghasilan sabun daripada minyak masak terpakai</p> <p>Dikir barat bertemakan alam sekitar</p> <p>Pertandingan fb Live</p> <p>Pertandingan Kuiz alam sekitar menggunakan aplikasi Kahoot</p> <p>Siaran secara lintas langsung TV Pendidikan</p>
13-15 Oktober 2018	<p>Pertandingan Debat Alam Sekitar (DeTIK) berlangsung</p> <p>Siaran secara lintas langsung TV Pendidikan</p>
15 Oktober 2018	<p>Pertandingan Final Debat Alam Sekitar (DeTIK)</p> <p>Siaran secara lintas langsung TV Pendidikan</p>

Jadual 10.0 : Senarai Aktiviti Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambarfoto 10.1 : Aktiviti Sambutan HASN 2018 Peringkat Wilayah yang di rasmikan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan

SAMBUTAN HARI BUMI & HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Sambutan Hari Bumi telah diadakan pada 21 April 2018 bertempat di Institut Pendidikan Kampus Ilmu Khas, Cheras Kuala Lumpur. Aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Kelab Lestari IPGKIK. Antara aktiviti yang diadakan adalah kempen pengumpulan barangan kitar semula seperti baju, barangan rumah dan barangan buangan elektronik. Bagi menarik minat penonton, tayangan video berbentuk alam sekitar juga turut diadakan. Di anggarkan kira-kira 300 orang pelajar telah menghadiri program ini.

JAS WPKL telah menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia di Sekolah Sukan Seri Titiwangsa Kuala Lumpur pada 21 Jun 2018. Program dimulakan dengan taklimat kepada kesedaran alam sekitar dan seterusnya murid terlibat dengan aktiviti envirohunt yang dikendalikan oleh JASWPKL.



Gambarfoto 10.2 : Aktiviti Sambutan Hari Bumi 2018



Gambarfoto 10.3 : Aktiviti Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018



Gambarfoto 10.4 : Kem Kesedaran Alam Sekitar Negara 2018 di Lata Lembik Pahang

BAB 11

TEKNOLOGI MAKLUMAT



SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFIK (GIS)

Aplikasi GIS dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti di Gambarfoto 11.0 telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan.

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2018, Unit Teknologi Maklumat berganding bersama Bahagian Pembangunan JAS WPKL juga telah mengadakan seminar EO dan Buangan Terjadual untuk digunakan di lapangan bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan Alam Sekitar.



Gambarfoto 11.0 : Portal GIS Jabatan Alam Sekitar

Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini dapat membantu pegawai JAS dalam memproses permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan permis dan pengawasan alam sekitar.

Bagi tujuan pemantapan penggunaan GIS, Unit Pengawasan dan Geospacial telah mengajurkan Bengkel Hands On Penggunaan Postal GIS pada 28-29 Ogos 2018 bertempat di Bilik ICT, Aras 3, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya selaras dengan sasaran Ibupejabat JAS yang ingin menerapkan budaya penggunaan aplikasi GIS dalam penggunaan tugas atau kerja yang dijalankan.



Gambarfoto 11.0 : Bengkel Hands On GIS pada 28-29 Ogos 2018

SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)

Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunakan oleh Jabatan dan pihak industri bagi memudahkan kerja-kerja seharian. Antaranya ialah : Penambahbaikan sistem e-CN dan MDMR

Dua (2) sistem baru yang telah dikemaskini dan dinaiktaraf iaitu e-CN kepada eSWIS dan MDMR kepada OER (Online Environmental Reporting).



Gambarfoto 11.0 : Paparan web eSWIS yang menggantikan e-CN



Gambarfoto 11.1 : Paparan web OER yang menggantikan MDMR

Laman web ini boleh diakses seperti di link yang dinyatakan di bawah :
 eSWIS - <https://eswis.doe.gov.my/>
 OER - <http://oer.doe.gov.my/>

PERKHIDMATAN PEMBAYARAN KOMPAUN JABATAN ALAM SEKITAR

Dengan kemudahan ini pengguna dapat menjimatkan masa dan tidak perlu datang ke pejabat JAS untuk membuat bayaran atas kesalahan yang dilakukan.

E-COMPLAINT (ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR)

Aduan awam yang diterima oleh Jabatan Ibu Pejabat Alam Sekitar (JAS) yang dijalankan oleh Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar. Aduan diterima oleh Unit Operasi adalah melalui surat, faks, e-mel, laman web, telefon atau secara peribadi melawat ke pejabat JAS yang terdekat untuk membuat aduan. Jabatan Alam Sekitar akan memberikan tindak balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja.

PERKHIDMATAN MENYEMAK KOMPAUN KENDERAAN DIESEL & PETROL

Sistem dimana pengguna boleh memeriksa samada wujud ataupun tidak kompaun atas sesuatu kenderaan diesel dan petrol.

E-KAS

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 579 punca telah dikemaskini ke dalam sistem e-KAS. Manakala e-swis pula sebanyak 947 premis telah didaftarkan sebagai pengguna sistem. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan sisa klinikal.

KELENGKAPAN ICT

Pada tahun 2018, Unit Teknologi Maklumat telah menerima pencetak sebanyak 8 unit masing-masing terdiri daripada 2 unit pencetak berwarna dan 6 unit pencetak monochrome (hitam putih), 1 unit UPS untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JASKL.

Secara keseluruhan, kesemua pegawai dan kakitangan di JASWPKL telah menerima kelengkapan tersebut bagi melancarkan tugas masing-masing.



**JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Kod Jalur / Barcode

